

Kosmo 14/12/2011

mas 16.



LANGKAH mengamalkan kitar semula sampah daripada rumah akan dilaksanakan Disember 2012. – Gambar hiasan

Kitar semula sampah rumah 2012

PUTRAJAYA - Langkah menggalakkan isi rumah mengasingkan sisa pepejal dan sisa kitar semula akan mula dilaksanakan pada Disember tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung (**gambar kecil**) berkata, melalui pengasingan sisa pepejal itu, syarikat konsesi yang terlibat hanya akan memungut sisa kitar semula itu sekali seminggu sahaja.

Langkah itu akan dilaksanakan secara berperingkat bermula di Kuala Lumpur dan Putrajaya sebelum diperluaskan ke bandar-bandar besar lain, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan di sini semalam.

"Kita akan beri galakan dan melaksanakan kempen-kempen kesedaran mengenai amalan kitar semula ini dan setelah tiga atau empat tahun, apabila tahap kesedaran masyarakat sudah cukup tinggi kita akan mewajibkan semua penduduk untuk mengasingkannya dan mereka ingkar akan didenda," tegasnya.

Chee Heung berkata, jika rakyat di negara ini dapat mempraktikkan sepenuhnya amalan mengitar semula, sebanyak 40 peratus sisa organik dan sisa yang dibuang dapat dikurangkan daripada 25,000 tan sisa dijana setiap hari.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata, daripada 166 tapak pelupusan yang ber-

operasi di negara ini, hanya lapan yang bertaraf sanitari menjadikan selebihnya berpotensi untuk mencemarkan alam sekitar terutamanya sumber air dan udara.

Beliau berkata, tapak-tapak itu juga menjadi titik panas dalam menyebarkan penyakit bawaan vektor seperti ti-

kus dan seterusnya menjejaskan kesihatan awam.

"Oleh itu, kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab mesti memainkan peranan kita menangani masalah sisa pepejal dengan mengamalkan 3R Reduce (mengurang), Reuse iaitu (guna semula) dan Recycle (mengitar semula)," katanya lagi.

Chee Heung pada majlis sama turut melancarkan talian bebas tol aduan sisa iaitu **1-800-88-7472** yang membolehkan pengguna dari seluruh negara kecuali Selangor, Perak dan Pulau Pinang yang setakat ini tidak terlibat dengan pelaksanaan Akta 672 (pembersihan sisa pepejal dan pembersihan awam), membuat aduan mengenai masalah sampah, longkang atau rumput, serta memberikan idea-idea berkaitan.

Beliau dalam masa yang sama turut melancarkan RoadTour 1Malaysia bersama Radio Televisyen Malaysia yang akan bergerak ke seluruh Semenanjung selama seminggu mulai semalam bagi menyebarkan maklumat mengenai kitar semula. - Bernama

